

20 FEB 2003

NAM-Aman

PERHIMPUNAN AMAN MALAYSIA DIJANGKA PERHIMPUNAN TERBESAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Stadium Nasional Bukit Jalil bakal menyaksikan perhimpunan terbesar yang pernah diadakan di negara ini dengan jangkakan kehadiran kira-kira 300,000 rakyat Malaysia bagi menjayakan Perhimpunan Aman Malaysia Ahad ini.

Perhimpunan anjuran Perikatan Rakyat Malaysia Untuk Keamanan (Aman Malaysia) itu bertujuan menyuarakan sokongan segenap lapisan masyarakat negara terhadap usaha mewujudkan dunia yang lebih aman.

Pada majlis itu, Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein akan menyerahkan satu deklarası rakyat Malaysia yang mendokong usaha-usaha keamanan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri dijangka memanjangkan perkara itu kepada ketua-ketua kerajaan yang hadir pada Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 yang bermula hari ini dengan mesyuarat peringkat pegawai kanan.

Bercakap pada sidang media di sini, pengerusi jawatankuasa perhimpunan itu Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata perhimpunan berkenaan akan turut dihadiri menteri-menteri besar dan ketua menteri, menteri kabinet, badan-badan politik serta lebih 1,100 persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Menteri Besar Selangor itu berkata majlis terbesar yang pernah dianjurkan di stadium berkenaan membabitkan kira-kira 90,000 penonton pada acara-acara sukan sahaja.

Beliau menasihatkan orang ramai menggunakan perkhidmatan transit aliran ringan untuk ke tempat perhimpunan. Star LRT dan Putra LRT telah bersetuju menyediakan gerabak khas secara percuma kepada orang ramai antara pukul 1 tengah hari dan 8 malam, dan antara 10 malam dan 3 pagi.

Majlis akan bermula pukul 5 petang dan berakhir 12 tengah malam. Seramai 26 artis tempatan dan luar negeri dijemput untuk menyerikan majlis itu.

Dr Mohamad Khir berkata Perdana Menteri dijangka menyampaikan amanatnya pada perhimpunan bersejarah itu sebelum menerima deklarası dan tandatangan lebih sejuta rakyat Malaysia yang dikumpulkan sejak satu setengah bulan lepas.

Sementara itu Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Dell Akbar Khan yang turut hadir mengingatkan orang ramai supaya tidak membawa kayu untuk kain rentang ke perhimpunan itu.

Beliau berkata 600 pegawai dan anggota polis serta 160 dari cawangan trafik akan berkawal pada malam itu untuk memastikan perhimpunan berjalan lancar.

Dell berkata 10,000 tempat letak kenderaan disediakan untuk kereta dan bas sekitar stadium manakala 10,000 petak disediakan untuk motosikal.

Tempat letak motosikal dikhaskan di Taman Teknologi Malaysia (belakang Petronas) manakala tempat letak bas disediakan berhampiran Kelab Lumba Kuda Selangor dan sekitar tempat letak kereta Stadium Hoki Nasional.

-- BERNAMA

AZH RT MAM RON